

PSA kuasai Sirkuit enam

Rangkul juara kali ketiga berturut-turut, bawa RM3,000



**SUKAN
VARSITI**

ARENA mengalu-alukan
sebarang aktiviti sukan
di peringkat Kolej/IPTA/IPTS.
Hantarkan berita dan gambar
ke sukan@hmetro.com.my.

POLITEKNIK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) membuktikan kehebatan dalam arena futsal apabila menjuarai Kejohanan Futsal IPT Piala Menteri Pengajian Tinggi 2012, Sirkuit 6 Zon Tengah Utara selepas menewaskan Kolej Komuniti Pulau Pinang (KKPP), 6-4 pada final di UIAM, baru-baru ini.

Kejayaan PSA itu sekaligus mengekalkan kejuaraan untuk tahun ketiga berturut-turut selepas muncul juara pada edisi 2010 dan 2011 di sirkuit yang sama.

Dengan kemenangan itu membolehkan PSA memba-

wa pulang wang tunai RM3,000, piala kejohanan dan sijil manakala KKPP berpuas hati dengan RM2,000 diikuti pasukan tuan rumah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ketiga dengan RM1,000 selepas menewaskan Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS), 6-2.

Tambah manis lagi, apabila pemain PSA, Saiful Nizam bin Mohd Ali diumumkan sebagai pemain terbaik kejohanan yang disertai 16 pasukan.

Antara IPT yang mengambil bahagian adalah Universiti Pendidikan Sultan Idris

“Selepas ini, kami akan menyertai kejohanan sirkuit 7 Zon Selatan di UTM pada 20-23 September depan”

**>Mohammad Khairani
Mohammed Amin**

(UPSI), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), University of Management and Technology (UMTECH), SEGI College, UNIKL MITEC, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Politeknik Muadzam Shah (PMS), Kolej Komuniti Kuala Lumpur,



JUARA...pemain Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah gembira meraikan kejuaraan.

Kolej Komuniti Johor dan Kolej Komuniti Kedah.

Sementara itu, pengurus pasukan PSA, Mohammad Khairani Mohammed Amin berkata, misi utama pasukan adalah untuk tersenarai dalam kelompok 16 pasukan

terbaik sekaligus layak beraksi pada Grand Final di UIAM pada 10 Oktober depan.

“Melalui gabungan beberapa pemain lama dan baru, kami berharap dapat mara ke peringkat akhir Grand Finle

setelah terkandas di peringkat separuh akhir tahun lalu.

”Selepas ini, kami akan menyertai kejohanan sirkuit 7 Zon Selatan di UTM pada 20-23 September depan,” katanya.